

**PERANAN BAHASA DALAM PENINGKATAN PERADABAN JEPUN
KONTEMPORARI**

NORLIAH BTE ABDULLAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENGAJIAN
PERADABAN**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2004**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511567889

ABSTRAK

Bahasa merupakan satu elemen penting dalam pembinaan peradaban sesebuah masyarakat. Bahasa Jepun telah berkembang dengan begitu dinamik sehingga ke hari ini walaupun proses permodenan yang pesat telah dijalankan di era Meiji, namun peranan bahasa Jepun terus unggul meningkat dan memperkasakan peradabannya. Oleh yang demikian kajian ini akan mengupas, menganalisis dan menunjukkan bahawa dapatan-dapatan kajian ini menepati beberapa objektif kajian yang telah ditetapkan.

Objektif kajian ini antara lain adalah 1) Mengkaji peranan bahasa Jepun dalam pembinaan peradaban, 2) Mengkaji peranan bahasa Jepun dalam pembinaan jati diri orang Jepun, 3) Mengkaji sumbangan bahasa Jepun dalam meningkatkan peradaban Jepun kontemporari dan 4) Mengkaji cara orang Jepun menggunakan bahasanya untuk memajukan peradaban dan masyarakatnya.

Daripada dapatan-dapatan analisis kajian ini telah membuktikan bahawa bahasa Jepun telah dan terus memperbaiki sistem pendidikan, pencapaian ekonomi, sosio-budaya, situasi politik negara Jepun. Kini bahasa Jepun merupakan bahasa yang ketiga yang banyak dipelajari di seluruh dunia kerana proses pengglobalisasiannya. Aktiviti R&D yang dijalankan oleh saintis Jepun telah banyak menghasilkan ciptaan-ciptaan dan

rekaan-rekaan yang bermutu semuanya menggunakan istilah-istilah saintifik bahasa Jepun.

Bahasa Jepun telah membentuk nilai-nilai sosio-budaya masyarakatnya. Sebagai bahasa yang sukar dipelajari dan bahasa yang sukar ditentukan keluarganya, bahasa Jepun adalah satu bahasa yang mempunyai keunikan yang telah mempengaruhi jati diri penggunanya supaya bersikap rajin, kerja keras, sabar, bermuafakat dan lain-lain.

Bahasa Jepun tidak ketinggalan menjadi bahasa yang terdahulu di dalam kemajuan sains dan teknologi di dunia ini. Apa sahaja yang baru dalam bidang tersebut boleh ditulis segera dengan menggunakan bahasa Jepun. Tidak dapat dinafikan juga bahawa bahasa Jepun kini telah memainkan peranannya sebagai salah satu alat dalam usaha meningkatkan peradaban Jepun.

ABSTRACT

Language is an important element in the process of building a civilized society. Japanese language has developed dynamically until today even though modernization process has been undertaken so drastically during the Meiji Era but Japanese language continuously playing its role to develop further its civilization. Therefore, this study will discuss, analyze, and show that the results achieved will suit the objectives of this study.

The objectives of this study are 1) to study Japanese language roles in building the Japanese civilization, 2) to study Japanese language roles in building the Japanese mind / character, 3) to study Japanese language contributions in escalating the Japanese contemporary civilization, and 4) to study ways and methods used by the Japanese to elevate further their civilization and society.

The results of this study proved that Japanese language has been and still improving the education system, economic achievement, socio-cultural behavior and political situation of Japan. Now Japanese language is the third largest language learned in the world because of its globalization. R&D activities conducted by Japanese scientists have produced great innovations and inventions all using Japanese scientific terminologies.

Japanese language did help in the formation of its socio-cultural norms. As it is one of the difficult language to learn and does not belong to any language groups, Japanese language developed its uniqueness that influence the way of thinking, mindset and behavior of its users so as to posses character like hard working, patient, making collective decisions and diligence.

Japanese language is among the first group of languages that is so sensitive to the development of science and technology. Anything new from this field can be written in Japanese right away. It cannot be denied that, Japanese language from its beginning had been playing its role in building the Japanese civilization.

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan rujukan-rujukan serta ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

.....
Tarikh

.....
NORLIAH BTE ABDULLAH
(AGC 020002)

PENGHARGAAN

Minat dan latarbelakang perguruan dalam bidang sejarah dan bahasa serta kesusasteraan Melayu telah memberikan saya suatu dorongan untuk menceburi di dalam bidang pengajian peradaban. Pengajian peradaban ini memerlukan pemahaman dan pengertian yang meliputi maksud ekstrinsik dan intrinsik. Dalam proses memahami maksud-maksud tersebut, pensyarah-pensyarah pengajian peradaban, fakulti sastera dan sains sosial, universiti malaya, umpama obor menerangi dunia saya dalam bidang ini. Terima kasih tidak terhingga kepada Prof. Dr. Khairulmaini , Prof.Madya Dr. Ridzuan, Prof. Dr. Hashim Musa, Prof. Dr. Wan A.Kadir, , Prof. Dr. Fauzah dan pensyarah-pensyarah pengajian peradaban yang lain kerana telah memberikan kefahaman kepada saya tentang tentang disiplin dan skop bidang peradaban .

Jika tidak diberi nasihat dan tunjuk ajar dengan jelas sudah tentu kajian ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Teguran dan cadangan-cadangan yang berharga telah memberikan saya semangat dan kesungguhan untuk meneruskan penyelidikan ini sehingga berjaya disiapkan. Terima kasih tidak terhingga kepada penyelia saya, En. Azhar Md.Aros kerana sering memberikan komen-komen dan tunjuk ajar yang membina semasa saya menulis disertasi ini dan juga telah memperkenalkan dan mengajar saya peradaban Jepun. Sebagai seorang yang pernah belajar di Jepun, pengalaman dan pengetahuan beliau tentang peradaban Jepun khasnya dan negara Jepun amnya telah banyak membantu saya dalam penyediaan disertasi ini.

Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof.Madya Dr. Mohammad Redzuan yang telah bermurah hati untuk berbincang dan menerima tajuk disertasi saya ini. Hasil daripada perbincangan tersebut barulah saya nampak dengan jelas bentuk penyelidikan yang perlu saya jalankan supaya ianya sesuai dengan garis panduan yang ditetapkan oleh keperluan fakulti.

Dalam kesibukan menyediakan disertasi ini banyak masa dihabiskan samada di perpustakaan atau di rumah sehingga kadang-kadang tugas-tugas yang lebih penting terlupa untuk dilaksanakan. Di sini kesabaran, keterbukaan serta pemahaman suami tersayang sangat dihargai. Terima kasih kerana mengizinkan saya menuntut ilmu demi anak bangsa tercinta. Tidak lupa juga jutaan terima kasih buat warga kerja dan anak didik di SMKSC Rawang.

皆様、ご協力ありがとうございます。

Norliah Bte Abdullah
Universiti Malaya
Februari 2004

Senarai Jadual

- Jadual 1: Jumlah pelajar Malaysia di Jepun
- Jadual 2: Jumlah pelajar Kursus Persediaan yang dihantar ke Jepun
- Jadual 3: Jumlah jam seminggu matapelajaran bagi tahun 1 dan 2 di AAJ,UM.
- Jadual 4: Jumlah jam seminggu matapelajaran bagi tahun 1 dan 2 di PPKTJ,UTM.
- Jadual 5: Jumlah pelajar biasiswa Monbukagakusho
- Jadual 6: Jumlah pelajar, pelatih dan pegawai Malaysia yang belajar dan berlatih di Jepun di bawah Program dasar Pandang Ke Timur dari tahun 1982~2001
- Jadual 7: Jumlah Universiti dalam Japanese-Malaysian Consortium Universities
- Jadual 8: Negara-negara yang menerima bantuan kerana bencana alam dari Jepun

Abstrak	i
Abstract	iii
Pengakuan	v
Penghargaan	vi
Jadual	viii
Isi Kandungan	ix
Pengenalan	xv

BAB PERKARA**Bab 1 PEMBENTUKAN PERADABAN JEPUN**

1.1. Pengenalan	1
1.1.1. Geografi Negara Jepun	1
1.1.2. Topografi	2
1.2. Asal Usul Negara Jepun dan Orang Jepun	3
1.2.1. Penduduk Ainu	4
1.2.2. Orang Mongoloid	5
1.2.3. Pasifik Selatan dan Melayu Nusantara	6
1.3. Pembinaan Peradaban Jepun Menerusi Bahasa Jepun	
1.3.1. Teori-Teori Asal-Usul Bahasa Jepun	6
1.3.1.1. Struktur Bahasa Jepun	7
1.3.1.2. Perbendaharaan Kata	8
1.3.1.3. Peminjaman Tulisan	9
1.3.1.4. Penciptaan Tulisan	11

1.3.2. Peranan Bahasa Jepun dalam Peningkatan Peradaban Jepun Awal	13
1.3.2.1. Yamato dan Unsur-Unsur Tamadun China	13
1.3.2.2. Zaman Yayoi, Nara dan Heian	16
1.3.2.3. Zaman Keshogunan	19

**Bab 2 PERANAN BAHASA DALAM PENINGKATAN
PERADABAN JEPUN ERA MEIJI**

2.1. Bahasa Ilmu	21
2.1.1. Penggubalan Akta Pendidikan untuk Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi dan Sistem Peperiksaan	21
2.1.1.1. Peraturan Sekolah Rendah	24
2.1.1.2. Peraturan Sekolah Menengah	25
2.1.1.3. Pusat Pengajian Tinggi	26
2.1.2. Menterjemahkan Buku-Buku Ilmiah Barat ke Bahasa Jepun	28
2.1.3. Mengantar Pelajar Jepun Melanjutkan Pelajaran ke Eropah	33
2.1.4. Mengambil Tenaga Pengajar Dari Kalangan Orang-Orang Jepun	36
2.1.5. Menjadikan Bahasa Jepun Sebagai Bahasa Pengantar di Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi	39
2.2. Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan	42
2.2.1. Kesusasteraan	42
2.2.1.1. Hasil-hasil penulisan Novel dan Prosa	43

2.2.1.2. Menterjemah Karya-Karya Penulis Tersohor Barat	44
2.2.2. Kebudayaan	45
2.2.2.1. Kegiatan Drama	45
2.2.2.2. Kegiatan Teater	47
2.2.2.3. Kegiatan Nyanyian dan Filem	51
2.2.2.4. Mengglobalisasikan Kegiatan Drama dan Teater	52
Bab 3 PENINGKATAN PERADABAN JEPUN MENERUSI PERWARTAAN BAHASA JEPUN MENJADI BAHASA PENTADBIRAN, EKONOMI DAN TEKNOLOGI	
3.1. Bahasa Pentadbiran	57
3.1.1. Bahasa Rasmi di Dalam Pentadbiran	59
3.1.2. Bahasa Rasmi di Dalam Urusan Kebudayaan	61
3.1.3. Bahasa Rasmi di Dalam Ketenteraan dan Keselamatan Negara	66
3.2. Bahasa Ekonomi	70
3.2.1. Penciptaan Istilah-Istilah Ekonomi	70
3.2.2. Menterjemah Buku-Buku Ekonomi Barat ke Bahasa Jepun	72
3.2.3. Bahasa utama di Dalam Urusan Perbankan	75
3.3. Bahasa Utama di Dalam Sains dan Teknologi	
74	
3.3.1. Melatih Tenaga Kerja di Kalangan Rakyat Tempatan	77
3.3.2. Menggalakkan Warga Asing yang Bekerja di Syarikat Jepun Mempelajari Bahasa Jepun	79

**PENINGKATAN PERADABAN MENERUSI
PENGGLOBALISASIKAH BAHASA JEPUN**

4.1. Penggubalan Kurikulum Bahasa Jepun untuk Pelajar-Pelajar Asing	82
4.1.1. Persediaan dan Keperluan Pengajaran dan Pembelajaran	82
4.1.2. Penggubalan Kurikulum	84
4.2. Penubuhan Institusi Pengajian Bahasa Jepun di Luar Negara	86
4.2.1. Punca Peningkatan Pelajar	87
4.2.2. Tujuan Penubuhan Yayasan Jepun	88
4.2.3. Fungsi Yayasan Jepun	88
4.2.4. Pusat Bahasa Yayasan Jepun	89
4.2.5. Perpustakaan	89
4.3. Menyediakan Biasiswa Kepada Warga Asing untuk Melanjutkan Pelajaran ke Jepun	90
4.3.1. Kategori Pelajar Malaysia di Jepun	90
4.3.2. Kursus Persediaan untuk Penerima Biasiswa JPA Kerajaan Malaysia	91
4.3.2.1. Kurikulum Bahasa Jepun di AAJ	93
4.3.2.2. Kurikulum Bahasa Jepun di PPCTJ	95
4.3.3. Sumber-Sumber Biasiswa	97
4.3.4. Jenis-Jenis Biasiswa dari Negara Jepun	98
4.3.4.1. Mombukagakusho	98
4.3.4.2. AIEJ	100
4.3.4.3. Biasiswa Kerajaan Tempatan dan Persatuan Antarabangsa	101
4.3.4.4. Biasiswa Yayasan Swasta	101
4.3.4.5. Biasiswa di Luar Jepun	102
4.3.5. Pendapat Bekas Graduan daripada Universiti Jepun	102

4.4. Menghantar Guru-Guru Bahasa Jepun Keluar Negara untuk Mengajar Bahasa Jepun	105
4.5. Menganjurkan Peperiksaan Kecekapan Bahasa Jepun untuk Pelajar-Pelajar Melanjutkan Pelajaran ke Jepun	107
4.5.1. Objektif	107
4.5.2. Isi Kandungan Peperiksaan	108
4.6. Persembahan Kebudayaan di Negara Asing	110
4.7. Universiti Yang Menawarkan Pengajian Bahasa Jepun Untuk Pelajar Asing	112

Bab 5 KESIMPULAN: KESAN-KESAN PENINGKATAN PERADABAN MENERUSI BAHASA JEPUN

5.1. Kesan Peningkatan Peradaban Jepun Melalui Bahasa	
5.1.1. Bahasa Membentuk Jati Diri Orang Jepun	115
5.1.1.1. Berilmu	117
5.1.1.2. Kesetiaan dan Ketaatan	118
5.1.1.3. Gigih Berusaha dan Menepati Masa	119
5.1.1.4. Bermuafakat Dalam Membuat Keputusan	121
5.1.1.5. Patriotisme dan Nasionalisme	122
5.1.1.6. Sifat-Sifat Terpuji	124
5.1.2. Bahasa membentuk bangsa Jepun yang berjaya Dalam Bidang Politik, Ekonomi, Pendidikan, Sastera dan Budaya	125
5.2.1.1. Bidang Politik	127
5.2.1.2. Bidang Sosial dan Ekonomi	129
5.2.1.3. Bidang Pendidikan	131
5.2.1.4. Bidang Sastera dan Budaya	133

5.2. Kesan Peningkatan Peradaban Jepun Terhadap Negara Lain

5.2.1. Peradaban Jepun Setanding Dengan Peradaban Barat	136
5.2.1.1. Keadaan Aman	137
5.2.1.2. Proses Perbandaran	138
5.2.1.3. Celik huruf	139
5.2.1.4. Keupayaan Keintelektualan	140
5.2.1.5. Perhubungan Diplomatik	141
5.2.1.6. Kestabilan Politik	142
5.2.2. Menjadi Contoh Kepada Malaysia Melalui Dasar Pandang Ke Timur	143
5.2.2.1. Objektif Dasar Pandang Ke Timur	144
5.2.2.2. Program dan Strategi Pelaksanaan	145
5.2.2.3. Kesan	148

5.3. Kesan Peningkatan Peradaban Jepun Terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

5.3.1. Sumbangan Kemanusiaan Dalam Bentuk Kewangan Kepada Negara-Negara Yang Menghadapi Bencana	150
5.3.2. Sumbangan Kewangan dan Kepakaran Kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)	152

Bibliografi	159
Sumber Internet	161

PENGENALAN

Secara umum kajian ini berkisar kepada Peranan Bahasa dalam Peningkatan Peradaban Jepun Kontemporari. penulis akan melihat strategi yang digunakan oleh para pentadbir dan para akademik Jepun dengan cara memanipulasikan bahasa ibunda mereka dalam usaha untuk meningkat dan memperkasakan peradaban mereka agar setanding dengan peradaban Barat. Selain daripada itu, penulis turut melihat impak penggunaan bahasa Jepun terhadap warga Jepun secara khusus dan masyarakat dunia secara amnya..

Kajian ini akan difokuskan kepada pentadbiran Jepun semasa zaman Meiji (1868 – 1912) sehingga sekarang. Zaman tersebut dipilih sebagai skop kajian kerana dalam tempoh inilah banyak perubahan yang berlaku di dalam pentadbiran Jepun akibat dasar refomasi yang dilakukan oleh pemimpin tersohor Jepun seperti Meiji. Apa yang menarik, walaupun berlaku pmodenan dan perubahan di dalam aspek ekonomi, sosial dan politik serta membabitkan pertembungan peradaban Jepun dengan peradaban Barat tetapi orang-orang Jepun tetap mempertahankan Bahasa Jepun sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar di dalam urusan sehari-hari mereka. Bertitik-tolak daripada situasi inilah, maka bahasa Jepun turut digunakan sebagai alat untuk membentuk jati diri orang Jepun dan seterusnya berjaya meningkat dan memperkasakan peradaban mereka setanding dengan peradaban Barat tanpa meminggirkan bahasa mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif disertasi ini ialah untuk mengkaji peranan bahasa Jepun dalam pembinaan peradaban masyarakat Jepun pada era kontemporari, mengkaji peranan bahasa Jepun dalam pembinaan jati diri orang –orang Jepun serta mengkaji sumbangan bahasa Jepun dalam meningkatkan peradaban Jepun kontemporari. Selain itu, kajian terhadap cara orang Jepun memanipulasikan bahasanya untuk memajukan peradaban dan masyarakatnya serta strategi yang diambil oleh orang Jepun untuk mengantarabangsakan bahasanya turut menjadi objektif disertasi ini.

KEPENTINGAN KAJIAN

Sehingga kini, kajian khusus yang membincangkan peranan Bahasa Jepun dalam peningkatan peradaban Jepun tidak diperolehi. Kebanyakan penulisan dan penyelidikan yang dijalankan oleh sarjana tempatan serta Barat malahan orang Jepun sendiri setakat ini hanya mengkaji Bahasa Jepun dari segi sejarah perkembangannya sahaja tanpa melihat peranan Bahasa Jepun dari sudut peradaban. Ketiadaan kajian daripada sudut ini telah mendorong penulis memilih tajuk ini dengan harapan kajian ini dapat membantu para pengkaji peradaban melihat keupayaan bahasa secara umum dan khasnya Bahasa Jepun membina dan meningkat serta memperkasakan peradabannya sehingga menandinggi peradaban Barat tanpa menjaskan nilai-nilai murni peradaban mereka.

Selain itu, Penulis berkeyakinan bahawa kajian ini boleh memberi sumbangan kepada pihak Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia dalam usaha merangka dan merancang kurikulum sekolah-sekolah di Malaysia agar misi dan visinya seiring dengan Falsafah Pendidikan Malaysia yang menjadi teras pembangunan sebuah negara yang adil,maju, makmur dan berperanan penting di arena antarabangsa. Kajian ini juga turut boleh dijadikan panduan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam usaha mengkaji dan merangka semula sukanan Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di peringkat pusat pengajian tinggi. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka juga boleh menggunakan kajian penulis ini sebagai satu cara untuk memperkasakan lagi penggunaan Bahasa Melayu di kalangan warga negara Malaysia khasnya dan masyarakat dunia amnya pada era globalisasi ini. Agar penggunannya berupaya merentasi sempadan dunia .

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kajian perpustakaan dengan merujuk dan meneliti sumber pertama dan kedua. Ini adalah kerana penulis telah dapat mengenal pasti beberapa perpustakaan yang mempunyai bahan-bahan rujukan yang baik dan berkualiti yang pastinya dapat membantu penulis dalam menyiapkan disertasi ini. Di antaranya ialah Perpustakaan Yayasan Jepun, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Kedutaan Jepun, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Negeri Selangor dan Perpustakaan Universiti Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim serta Arkib Negera. Selain daripada itu, penulis juga turut mengadakan sesi temubual dengan mereka yang dapat memberi

bantuan dan maklumat berkaitan dengan tajuk disertasi ini terutamanya tenaga pengajar bahasa Jepun di Ambang Asuhan Jepun ,Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya dan Fakulti Bahasa Universiti Malaya. Selain itu, penulis turut menggunakan sumber-sumber dan data daripada internet.

MASALAH KAJIAN

Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa masalah yang timbul semasa penulis membuat kajian seperti masalah dalam mencari bahan-bahan rujukan yang sesuai dengan tajuk ini kerana buku-buku yang ada hanya membincangkan tentang hal-hal yang berkaitan dengan Sejarah Jepun. Sedangkan tajuk yang diutarakan oleh penulis lebih kepada peranan bahasa di dalam peningkatan peradaban Jepun kontemporari. Kajian ini kebanyakannya berpandu kepada jurnal-jurnal atau buku-buku ilmiah yang ditulis oleh penulis Barat. Walaupun penulis-penulis Jepun ada menerbitkan buku-buku yang boleh dijadikan rujukan oleh penulis tetapi apa yang menjadi masalah ialah kebanyakan daripada tulisan tersebut menggunakan Bahasa Jepun.

Walaupun terdapat masalah yang timbul terutamanya buku-buku yang menjadi rujukan ditulis menggunakan bahasa dan tulisan Jepun tetapi masalah ini tidak membebankan penulis kerana terdapat di kalangan keluarga penulis sendiri menerima pendidikan tinggi di Jepun. Justeru itu sudah pasti mereka boleh membantu penulis menterjemahkan buku-buku tersebut ke bahasa Melayu. Situasi ini telah menguatkan semangat penulis untuk menulis kajian ini sehingga tamat dengan bantuan-bantuan yang :

diterima dari keluarga dan penyelia penulis sendiri yang menerima pendidikan tinggi di Jepun.